

AL-TAFSIR AL-MAQASIDI: KONSEP & APLIKASI BERPANDUKAN TAFSIR IBN ‘ASHUR. Oleh: Rasyad Afif Ibrahim & Muhd Najib Abd Kadir. 2020. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm.142. ISBN- 9789672388548

Buku yang berjudul *Al-Tafsir Al-Maqasidi: Konsep dan Aplikasi Berpandukan Tafsir Ibn Ashur* hasil sentuhan karya dua orang pensyarah iaitu Dr. Rasyad Afif bin Ibrahim dan Prof. Dr. Muhd Najib bin Abdul Kadir telah berjaya menghuraikan secara menyeluruh berkaitan aliran *tafsir al-maqasidi* yang diketengahkan oleh Ibnu Ashur di dalam kitabnya *al-Tahrir wa al-Tanwir*. Buku ini mempunyai lima bab utama dan setiap bab dipecahkan kepada beberapa sub topik. Sebelum kita menelusuri konsep aliran tafsir ini harus difahami bahawa setiap pentafsir mempunyai metodologi dan pendekatan yang berbeza dalam memahami konteks ayat al-Quran. Ia adalah berdasarkan kecenderungan pentafsir sama ada dari sudut *balaghah* (bahasa), *fiqh*, falsafah, kemasyarakatan, haraki dan seumpamanya. Justeru, dalam penulisan ini penulis akan memfokuskan suatu aliran pemikiran dalam tafsir iaitu *al-Tafsir al-Maqasidi* kerana dilihat mempunyai kepentingan yang besar dalam pengajian tafsir.

Dalam bab pertama, penulis terlebih dahulu memfokuskan isu sejarah kemunculan *al-Tafsir al-Maqasidi* dalam ilmu tafsir. Jika dilihat pemikiran berasaskan maqasid telah wujud sejak dari zaman Rasulullah SAW. Hal ini disebabkan oleh baginda SAW merupakan pakar rujuk berkaitan hukum fiqh dalam kalangan para sahabat. Sebagai contoh, pada zaman Rasulullah SAW, baginda enggan membunuh golongan munafik meskipun mereka selayaknya menerima hukuman. Situasi ini menggambarkan bahawa Nabi SAW kluatir akan menimbulkan fitnah terhadap Islam. Seterusnya, pemikiran berasaskan maqasid ini terus diaplikasikan oleh para sahabat apabila Saidina Umar RA pernah menambah hukuman sebat daripada 40 kali sebatan kepada 80 kali sebatan. Perubahan tersebut berlaku kerana pemahaman mereka terhadap maqasid membendung jenayah peminum arak daripada terus merebak.

Seterusnya, sekitar kurun kelima hijrah Ibn al-Arabi yang juga merupakan tokoh tafsir melihat bahawa konsep maqasid ini mempunyai masalah kepada sesuatu hukum. Oleh itu, beliau bersetuju agar pendekatan maqasid ini diguna pakai. Kemudian, muncul pula Imam Abu al-Ma’alli al-Juwayni dan Imam al-Ghazali yang mesra kepada pendekatan ini. Pada kurun ke-8 hijrah, muncul pula Imam Abu Ishaq al-Shatibi menerusi karyanya *al-Muwafaqat* yang berjaya menyempurnakan teori maqasid yang sebelum ini dianggap sebagai salah satu cabang *masalih mursalah* dalam ilmu fiqh tetapi telah mengalami pertumbuhan yang agak perlahan selama enam abad. Kemudian, ia kembali mendapat perhatian apabila muncul beberapa ulama tafsir moden seperti Ibnu ‘Ashur, Muhammad Abduh dan Rashid Rida yang kembali meneguhkan elemen maqasid dalam penulisan mereka. Tidak terhenti di situ, *al-Tafsir al-Maqasidi* diteruskan lagi oleh ulama tafsir dari Morocco seperti *Nur al-Din Qirat*, *Jalal al-Marini* dan *Hasan Yashfu* yang telah mempromosikan teori *tafsir maqasidi* sebagai alternatif pentafsiran al-Quran yang lebih sistematik dan komprehensif. Justeru, matlamat utama wujudnya aliran *al-Tafsir al-Maqasidi* ini sejajar dengan kemunculan aliran tafsir *ilmi*, *adabi ijtima’i*, *haraki* dan *falsafi* iaitu sebagai memberikan kesedaran kepada masyarakat muslim agar kembali kepada petunjuk hidayah al-Quran sebagai sumber utama dalam Islam.

Dalam bab kedua pula, penulis mengemukakan definisi *al-Tafsir al-Maqasidi* menurut beberapa orang tokoh antaranya Wasfi Ashur, Nasywan, Ali Ahmad As’ad dan Abd Hadi al-Khamlishi. Rentetan daripada takrifan beberapa orang tokoh tersebut membuktikan bahawa *al-Tafsir al-Maqasidi* ini mempunyai hubungan dengan *maqasid al-syariah* dalam penentuan dan

peletakan sesuatu hukum berdasarkan al-Quran. Namun begitu, menurut penulis *al-Tafsir al-Maqasidi* tidak mempunyai ciri-ciri yang mencukupi untuk mengkategorikan ia sebagai metodologi pentafsiran. Jika dilihat perkaitan antara *al-Tafsir al-Maqasidi* dengan tafsir tematik maka kita akan melihat tafsir tematik lebih umum kerana tidak perlu kepada penyingkapan yang mendalam dari sudut bahasa dan balaghah untuk mencari sesuatu solusi kepada hukum. Secara ringkasnya, *al-Tafsir al-Maqasidi* menumpukan pentafsiran yang dikehendaki oleh syarak dan meninggalkan perbincangan yang tiada kaitan dengannya.

Dalam bab ketiga pula, penulis membawa pembaca untuk mengenali seorang tokoh tafsir yang terkenal dengan pemikiran maqasid iaitu Ibnu Ashur untuk melihat gaya pentafsirannya dalam tafsir ini. Penulis merumuskan kedudukan maqasid dalam kitab tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir* kepada dua elemen utama iaitu matlamat asas yang perlu ada pada seseorang pentafsir dan prinsip dalam membuat rujukan dan memperincikan pentafsiran ayat. Menurut Ibnu Ashur, seseorang pentafsir hendaklah mentafsir ayat al-Quran berpaksikan maqasid al-Quran agar ia tidak tersasar daripada matlamat asas pentafsiran serta dapat membantu pentafsir membezakan tafsiran yang bertepatan dengan matlamat atau sebaliknya. Seterusnya, penulis juga menjelaskan pemikiran maqasid, maqasid al-syariah dan maqasid al-Quran menurut Ibnu Ashur.

Menurut hemat penulis, Ibnu Ashur membezakan antara maqasid al-syariah dengan maqasid al-Quran. Terdapat beberapa kaedah dalam pencarian maqasid antaranya melalui *istiqra'*, zahir nas dan *maqam*. Melalui kaedah ini, ia menggambarkan ketelitian Ibnu Ashur dalam penetapan konsep maqasid agar tafsiran al-Quran jauh daripada pentafsiran yang menyeleweng. Terdapat beberapa kriteria yang perlu dipatuhi ketika ingin menggunakan maqasid antaranya logik dan realistik, kesahihan, jelas, keserasian dan tiada pertentangan. Sebagai contoh, maqasid ini perlulah dapat diterima oleh akal yang waras dan jauh daripada pertentangan nas yang lebih *qat'e*. Sekiranya ia berlaku maka secara automatik maqasid itu tidak terpakai.

Pada bab keempat pula, penulis menjelaskan tentang aplikasi *al-Tafsir al-Maqasidi* dalam tafsir Ibnu Ashur iaitu *al-Tahrir wa al-Tanwir*. Beliau menggunakan tiga aspek utama dalam pentafsiran beliau iaitu kritikan, tarjih dan ijtihad beliau sendiri dalam mengemukakan hujah untuk menyokong dan menentang pandangan ulama yang dirasakannya tidak begitu tepat. Sebagai contoh, kritikan yang diberikan oleh Ibnu Ashur terhadap kalimah *ahsan taqwim* dalam surah al-Tin. Firman Allah SWT:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.*

(al-Tin : 4)

Menurut al-Tabari, al-Zamakhshari dan Ibnu Kathir, mereka mentafsirkan kalimah *ahsan taqwim* sebagai anggota yang terbaik. Walau bagaimanapun, Ibnu Ashur tidak bersetuju dengan pandangan mereka dan memberikan pandangan beliau bahawa maqasid surah al-Tin diturunkan adalah sebagai peringatan kepada manusia tentang penciptaannya yang sesuai dengan fitrah. Oleh itu, Ibnu Ashur mentafsirkan kalimah ini dengan maksud akal dan pengetahuan manusia. Hal ini disebabkan, apabila manusia menggunakan akal ke arah kebaikan maka darjat mereka akan diangkat dan bukannya manusia yang mempunyai bentuk fizikal yang sempurna. Begitulah pandangan Ibnu Ashur tentang ayat surah al-Tin sesuai dengan matlamat atau maqasid surah tersebut diturunkan.

Ibn Ashur juga akan menentukan pendapat-pendapat yang kuat dan menjadi pilihan beliau. Setiap kritikan yang dilakukan sedikit sebanyak telah membantunya mencari dan menetapkan pendapat yang rajih dan kuat. Antara pandangan yang rajih dan kuat yang telah memberikan gambaran berkaitan penggunaan pendekatan Tafsir al-Maqasidi ini ialah maksud ayat pertama surah al-Baqarah. Para ulama tafsir telah menyenaraikan sebanyak dua puluh satu pendapat dan kesemuanya boleh dibahagikan kepada tiga bahagian. Dalam hal ini, Ibn Ashur telah mentarjihkan pendapat beliau sendiri dengan menyatakan bahawa huruf muqataah tersebut adalah untuk menempelak orang musyrikin dan menyedarkan mereka. Ia didatangkan dalam bentuk huruf agar mereka berfikir dan cuba melakukan usaha mencipta ayat seperti al-Quran. Namun begitu, usaha tersebut tidak mampu dilakukan oleh mereka walaupun terdapat cabaran mengarahkan mereka mencipta walau satu ayat semisal al-Quran. Jelas di sini, Ibn Ashur mentarjih pendapat beliau sendiri berdasarkan salah satu *maqasid al-Quran* iaitu konsep *i'jaz*.

Dalam bab ini juga, penulis memasukkan kesan *al-Tafsir al-Maqasidi* pada *al-Tahrir wa al-Tanwir* untuk memberikan kefahaman yang mendalam kepada para pembaca. Antaranya adalah mengajak penuntut ilmu agar fokus terhadap matlamat asal sesebuah ayat dan surah serta mempericikan makna perkataan. Ia adalah untuk mengelakkan berlakunya perbincangan dan huraian yang tidak berkaitan. Selain itu, bentuk tafsir ini juga mampu menjelaskan kesesuaian bentuk ayat. Ia adalah untuk mengelakkan al-Quran ditafsirkan dengan sewenang-wenangnya oleh golongan yang tidak bertanggungjawab seperti golongan anti al-Quran.

Dalam bab terakhir buku ini, penulis membicarakan tajuk “Paradigma Utama Teori *al-Tafsir al-Maqasidi* Ibn Ashur”. Ibnu Ashur akan merujuk kepada pendapat-pendapat ulama dan mengkritik serta membincangkan sesuatu persoalan bagi memperoleh pentafsiran yang sesuai dengan matlamat sebenar ayat. Beliau juga membahagikan teori tafsir ini kepada dua jenis iaitu maqasid al-A’la dan maqasid al-asliyah. Maqasid al-A’la melibatkan tiga perkara:

1. Pengislahan terhadap hal ehwal individu
2. Masyarakat
3. Pembangunan

Ketiga-tiga matlamat *maqasid al-a’la* tersebut menggambarkan ia adalah matlamat utama al-Quran diturunkan kepada umat manusia iaitu untuk membaiki kebejatan sosial individu, masyarakat dan membangun menuju pembangunan.

Selain itu, terdapat tiga kaedah untuk menentukan maqasid al-syariah. Antaranya kaedah *istiqra’*, penelitian dalil-dalil hukum dan maqam (tumpuan terhadap pengetahuan mengenai adat orang Arab, *asbab nuzul* dan *asbab wurud*). Ia akan membantu sesebuah nas difahami secara jelas sekaligus memudahkan seseorang menetapkan matlamat utama dalil-dalil yang berkaitan.

Pada pandangan saya, buku ini sangat menarik untuk dibaca dan dimiliki oleh setiap penuntut ilmu tafsir kerana ia mampu menambahkan pengetahuan berkaitan aliran pemikiran dalam ilmu tafsir. Hal ini disebabkan, perkembangan zaman telah mewujudkan satu ruang perbincangan yang lebih meluas seiring dengan permasalahan umat yang pelbagai. Justeru, penerbitan buku ini merupakan salah satu usaha proaktif cendekiawan bidang tafsir al-Quran untuk menarik minat golongan muda mendalami ilmu berkaitan al-Quran. Selain itu, gaya bahasa yang digunakan oleh penulis dalam buku ini juga sangat mudah difahami kerana susunan ayat-ayatnya adalah mudah dan tidak memberatkan.

Selain itu, buku ini mampu membuka ruang idea kepada sarjana yang lain untuk menghasilkan buku-buku berkenaan aliran tafsir bagi membahaskan metode dan tujuan dalam pentafsiran al-Quran. Pendek kata, perkembangan *al-Tafsir al-Maqasidi* memfokuskan kepada matlamat syarie iaitu *maqasid al-Quran* dan *maqasid al-syariah* untuk menentukan permasalahan *maqasid*. Dalam permasalahan maqasid ini, jelas menunjukkan bahawa *maqasid al-Quran* adalah asas utama untuk membentuk maqasid al-syariah yang menjadi tunjang utama kepada terhasilnya maqasid al-syariah untuk keperluan dan kesempurnaan kehidupan.

Muhammad Zulhusni Abd Halim

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)